



• DARI kiri: Haji Wan Hussin Zoothri, Haji Ya'acob Mohamed dan Encik Abdul Halim Kader (Setiausaha Agung Perses) berbincang mengenai rancangan untuk memperbaiki Dewan Kampong Ubi yang berusia 12 tahun.

3 badan mungkin berkongsi 'rumah'

5 JUL 1985

PERSEKUTUAN Amatur Sepaktakraw Singapura (Pereses) akan mengadakan pertemuan dengan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Persekutuan Gasing Singapura (Fedegasi) untuk membincangkan kemungkinan menempatkan ketiga-tiga buah badan itu di Dewan Kampong Ubi.

Rancangan itu telah diumumkan oleh Presiden Perses, Haji Ya'acob Mohamed, ketika mengadakan pemeriksaan di tempat sementara persekutuan itu di Dewan Kampong Ubi kelmarin.

Turut hadir ialah Setiausaha Parlimen (Perhubungan dan Penerangan) yang juga Anggota Parlimen Kampong Ubi, Haji Wan Hussin Zoothri, dan beberapa orang wakil tiga buah badan sukan itu.

Haji Ya'acob, Pesuruh-sya Tinggi Singapura ke Mesir, yang kembali ke tanah air untuk bercuti empat hari berkata: "Saya mencadangkan supaya ketiga-tiga badan juga menjadi tulang belakang Majlis Seni Reka Sukan Tradisional (Massutra) itu disatukan dalam satu kawasan.

"Bukan saja ia dapat menjalinkan hubungan rapat antara satu sama lain tetapi menyelaraskan kegiatan demi untuk memajukan sukan tradisional masyarakat Melayu."

Semasa lawatan pemeriksaan itu, Haji Ya'acob telah mengusulkan supaya tiga buah pejabat yang didiami oleh badan-badan tersebut ditempatkan di dalam Dewan Kampong Ubi.

Beliau juga mencadangkan agar hasil-hasil kerjatangan tiga buah badan itu dipamerkan di sekeliling tembok dewan supaya dapat disaksikan oleh para pelawat.

Jadual

Berita Harian difahamkan bahawa majlis pertemuan yang belum ditetapkan itu akan cuba mendapatkan pandangan daripada kedua-dua buah badan ekoran cadangan Haji Ya'acob yang juga Presiden Massutra.

Fedegasi telah menunjukkan minat untuk membina sebuah bengkel membuat gasing di dewan tersebut tetapi kemungkinan besar tidak menggu-

nakan tempat itu sebagai tempat bermain gasing.

Ini adalah kerana Fedegasi sudah mempunyai gelanggang yang cukup untuk mengembangkan sukan tradisional itu.

Tetapi, seperti kata Haji Ya'acob, hubungan rapat antara anggota-anggota Massutra itu amat penting.

Jika Persisi bersetuju dengan cadangan Haji Ya'acob, mereka terpaksa mengatur jadual dengan Perses untuk menggunakan dewan dan gelanggang sepaktakraw yang kini digunakan untuk latihan.

Sementara itu sebuah jawatankuasa kecil telah dibentuk oleh Perses untuk meninjau kerja-kerja pembaikan Dewan Kampong Ubi.

Antara kerja pembaikan yang sedang ditimbang ialah mengukuhkan pagar di sekeliling dewan, membina sebuah gelanggang baru di luar dewan, memasang lampu dan mengecat.

Projek tersebut dijangka menelan belanja lebih dari \$50,000 dan jawatankuasa kecil itu sedang berusaha untuk mendapatkan penaja.